

Pengaktifan Automatik untuk Transaksi Berkaitan Tol

S: Apakah definisi bagi transaksi berkaitan tol?

J: Transaksi berkaitan tol merujuk kepada pembayaran yang dilakukan di terminal pembayaran yang terletak di plaza tol lebuh raya atau lebuh raya ekspres. Selepas anda melengkapkan perjalanan anda di lebuh raya, pengendali tol akan mendebitkan jumlah keseluruhan ke Kad Debit-i anda.

S: Bagaimanakah saya boleh mengaktifkan Kad Debit-i saya untuk transaksi berkaitan tol?

A: Tiada pengaktifan diperlukan. HLISB akan mengaktifkan ciri Kad Debit-i secara automatik untuk transaksi berkaitan tol, berkuat kuasa dari tarikh pelaksanaan.

S: Bolehkah pemegang kad menyahaktifkan ciri transaksi berkaitan tol?

A: Ciri ini akan diaktifkan secara kekal pada kad, berkuat kuasa dari tarikh pelaksanaan dan tidak boleh dinyahaktifkan.

S: Apakah yang boleh menyebabkan transaksi berkaitan tol gagal?

A: Kad Debit-i yang telah tamat tempoh akan menyebabkan kegagalan transaksi berkaitan tol.

Sila pastikan terdapat baki yang mencukupi dalam akaun untuk melakukan transaksi berkaitan tol.